

UMS komited bangunkan pendidikan di Sabah

4M 82 - (· 2014 26

KUDAT 21 Jan. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa komited membantu membangunkan pendidikan di Sabah khususnya di kawasan luar bandar bagi memastikan para pelajarnya mencapai prestasi pendidikan cemerlang.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, pihaknya akan memastikan penglibatan komuniti di luar bandar bertujuan memberikan kesedaran mengenai kepentingan bidang pendidikan untuk masa hadapan mereka dalam setiap program pendidikan dirancang.

Beliau berkata demikian dalam ucapan program Amal Strategi Lautan Biru di Sekolah Kebangsaan Muhibbah di sini baru-baru ini yang dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Banggi, Datuk Abdul Mijul Unaini.

Yang turut hadir, Pengarah UMS, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof. Madya Dr. Ismail Ali dan wakil Pejabat Pendidikan Daerah Kudat, Abdullah Akop.